

**FRASA NAMA BAHASA MALAYSIA
DAN BAHASA INGGERIS DI DALAM TEKS
TERJEMAHAN: SATU KAJIAN PERBANDINGAN
STRUKTUR, MAKNA DAN STRATEGI TERJEMAHAN**

oleh

MAZURA @ MASTURA BT MUHAMMAD

Tesis ini diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Julai 2002

PENGHARGAAN

Terima kasih yang tidak terhingga buat:

- Penyelia saya Profesor Mashudi Kader atas bimbingan dan dorongan beliau yang tiada batasnya
- Keluargaku...Mak, Ina dan Abang Ibrahim...segalanya mungkin kerana dorongan dan pertolongan yang telah diberi
- Abangku...Profesor Ramli Mohamed dan isteri, Puan Hamidah Ismi
- Encik Othman B. Muhammad dan isteri...tiada kata yang boleh menggambarkan pengorbanan yang telah dicurahkan
- Sahabat karibku Siti Salina Salim...atas persahabatan yang terjalin
- Tante-Tanteku...Jaju dan Tia...atas peluang yang diberikan untuk mengenali diri mu

KANDUNGAN

	Halaman
Tajuk	i
Penghargaan	ii
Acknowledgement	iii
Kandungan	iv
Singkatan dan Lambang	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
BAB I PENDAHULUAN	Halaman
1.0 Pengenalan	1
1.1 Tujuan Kajian	12
1.2 Persoalan Kajian	13
1.3 Bidang Kajian	14
1.4 Kaedah Kajian	20
1.5 Kerangka Teori	21
1.6 Teks Terjemahan	38
1.7 Batasan Kajian	40
1.8 Aturan Kajian	41
Nota	
BAB 2 FRASA NAMA (N') SEBAGAI SUBJEK	
2.0 Pengenalan	45
2.1 N' Sebagai Subjek	45
2.1.1 N' Subjek Simpleks(Asas)	46
2.1.2 N' Subjek Kompleks	53
2.2 Ulasan	84
Lampiran	87
BAB 3 FRASA NAMA (N') DALAM PREDIKAT	
3.0 Pengenalan	92
3.1 N' Predikat Simpleks (Asas)	93
3.2 N' Predikat Kompleks	102
3.2.1 Frasa Relatif Dalam N' Predikat	102
3.2.2 Objek Komplemen	143
3.2.3 Ayat Keterangan	152
3.3 Kesimpulan	164
Lampiran	169

BAB 4	N' DALAM AYAT PASIF DAN AYAT KEHADIRAN	
4.0	Pengenalan	178
4.1	Ayat Pasif	178
	4.1.1 Ayat Pasif Biasa	180
	4.1.2 Ayat Pasif Tiada Pesona	192
	4.1.4 Ayat Pasif Situasi	210
	4.1.4 Ayat Pasif Berklitik	218
4.2	Ayat Kehadiran	225
4.4	Kesimpulan dan Ulasan	230
	Lampiran	233
BAB 5	STRATEGI-STRATEGI TERJEMAHAN	
5.0	Pengenalan	241
5.1	Adibah Amin	244
5.2	Harry Aveling	260
5.3	Kesimpulan dan Ulasan	273
	Nota	277
BAB 6	PENUTUP	
6.0	Pengenalan	278
6.1	Dapatan	279
6.2	Strategi Terjemahan	300
BIBLIOGRAFI		301

SINGKATAN DAN LAMBANG

IP	-	Frasa Fleksi
I''	-	Frasa Predikat
I'	-	Infeksi
I	-	Fleksi
K'	-	Frasa Kata Kerja
K	-	Kata Kerja
KD'	-	Frasa Kata Depan
KD	-	Kata Depan
N'	-	Frasa Nama
N'	-	Kata Nama
A'	-	Frasa Adjektif
A	-	Kata Adjektif
Adv'	-	Frasa Adverba
Adv	-	Adverba
ADB'	-	Frasa Adverbial
Adb	-	Adverbial
Pen	-	Penunjuk
Konj	-	Konjungsi
Part	-	Partikel
t	-	tikas
i	-	index
Comp	-	Komplementizer
Spec	-	Specifier

ABSTRAK

FRASA NAMA BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS DI DALAM TEKS TERJEMAHAN: SATU KAJIAN PERBANDINGAN STRUKTUR, MAKNA DAN STRATEGI TERJEMAHAN

Secara amnya, jarang ada 2 bahasa mewakili realiti sosial dan budaya yang sama kerana setiap bahasa mempunyai kelainan yang tersendiri untuk menyampaikan sesuatu idea atau pengalaman. Untuk menunjukkan hakikat di atas, kajian ini bertujuan membandingkan Frasa Nama (N') antara bahasa Malaysia (BM) dan bahasa Inggeris (BI). Pemakaian Teori X-Bar yang digariskan oleh Chomsky (1982) dalam Teori Government and Binding (GB) menjadi landasan bagi kajian ini. Selain itu, strategi-strategi terjemahan digariskan oleh Newmark (1981), Nida (1964) dan Hipotesis Sapir-Whorf yang dilaporkan oleh Fishman (1972) juga menjadi latarbelakang kajian ini. Justeru itu, kajian ini memberi tumpuan kepada N' Subjek, N' dalam Predikat dan N' dalam Ayat Pasif dan Ayat Kehadiran untuk meninjau perubahan struktur, makna dan strategi terjemahan antara kedua-dua bahasa.

Di samping itu, kajian ini memilih *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) dan *Rentung* (1983) hasil nukilan *Shahnon Ahmad* serta versi-versi terjemahannya – *No Harvest But A Thorn* dan *Rope of Ash* yang diterjemahkan oleh *Adibah Amin* (1972) dan *Harry Aveling* (1979) sebagai sempadan penganalisan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam memindahkan struktur N' BM dalam BI, penterjemah perlu peka dan menimbangkan aspek-aspek linguistik dan ekstra-linguistik untuk menghasilkan output terjemahan BI yang mempunyai kemiripan maksimum agar kesan maknanya menyamai kesan makna teks sumber. Dengan hal yang demikian, kerja penterjemahan teks kesusasteraan Melayu bukannya melibatkan pencarian kata padanan yang terhampir dengan makna mesej asal BM semata-mata, bahkan ia melibatkan pemindahan kemanusiaan yang merangkumi aspek-aspek budaya, fikiran, fahaman dan *weltanschauung* Melayu.

Hasilan kajian juga menunjukkan bahawa dalam memindahkan kata, frasa dan ayat yang berlatarbelakangkan *weltanschauung* Melayu dan teologi Islam, *Adibah Amin* bergantung kepada Terjemahan Formal. Sebaliknya, *Harry Aveling* lebih cenderung menggunakan Terjemahan Dinamik untuk menterjemahkan kata, frasa dan ayat yang bersangkutan dengan *weltanschauung* Melayu dan teologi Islam. Didapati juga terjemahan sebegini sering memperlihatkan peralihan arah antara titik keempat, iaitu Terjemahan Dinamik dan titik kelima, yakni Terjemahan Bertujuan.

Secara keseluruhan, diharapkan dapatan dan maklumat daripada kajian ini dapat menyumbang kepada dunia Linguistik dan Terjemahan.

ABSTRACT

THE NOUN PHRASES OF THE MALAY AND ENGLISH LANGUAGE IN TRANSLATED TEXTS: A COMPARATIVE STUDY OF STRUCTURES, MEANINGS AND TRANSLATION STRATEGIES.

Perhaps one of the greatest mysteries of life is language; its existence, its origin and its development are still under endless speculations. The precise nature of language is still more in the dark. Hence, contrastive analysis may be one of the tools that will enable us to analyse the features and characteristics of a language by highlighting its differences and similarities against another.

Thus, this study ultimately endeavours to examine the characteristics of the Noun Phrases of the Malay and the English Language. In the similar vein, it aims to determine the similarities and differences of the Nouns Phrases (N') of both languages within the theoretical framework of the X- Bar Theory representations as being outlined by Chomsky (1982) in the Government and Binding (GB) Theory. In this endeavour, all efforts are focused on N' Subjects, N' in Predicates, N' in Passive Sentences and N' in Existential Sentences. This study also heralds the translation strategies of Newmark (1981), Nida (1964) and the Sapir-Whorf hypothesis to facilitate the analysis the translation strategies utilised by the translators in rendering the texts.

This study has chosen the Malay novels of **Shahnon Ahmad; Ranjau Sepanjang Jalan (1966)** and **Rentung (1983)** and the translated versions – **No Harvest But A Thorn** and **Rope of Ash**, which were translated by **Adibah Amin (1972)** and **Harry Aveling (1979)** respectively. Both of Shahnon's novels depict the voracious nature of the farmers' world by providing a sharp and detailed authenticity of the struggle and arduousness of this world. Therefore, this has impelled the researcher to consider both novels as the perfect "subject samples" for the study.

The results of the study present a significant picture that in the case of rendering traditional Malay literary texts, aspects of linguistics as well as extra-linguistics, such as aspects of culture, beliefs/thoughts, *weltanschauung*, religion are the essential traits of the texts. These traits have to be transferred and retained across the target language in order to portray the beauty and the cultural scenario of the source language. On the contrary, for the translators these traits are their main obstacles. Thus, the study indicates that the best solutions are minimising the differences and conveying the messages closest to the source language. In the perspective of Translation Strategies, the study points out that **Adibah Amin** relies highly on the Formal Translation while rendering words, phrases and sentences that embody the Malay *weltanschauung* and religious theology. In contrast, **Harry Aveling** displays the tendencies of opting for the Dynamic Translation and very often slipping into the Purposeful Translation in translating words, phrases and sentences that do not exhibit the Malay *weltanschauung* and religious theology.

This study is intended that the findings and information obtained in this study will be applied in future translation works for the development of the sphere and it is hoped that this study would update and validate the Malay Linguistic and Translation domain.

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

1.0.1 Latarbelakang

Bahagian pengenalan ini akan mengemukakan definisi-definisi terjemahan daripada perspektif para sarjana yang akan menunjukkan kepelbagaian sifat semulajadi bidang terjemahan. Ia seterusnya diikuti pula dengan penerangan mengenai aktiviti-aktiviti terjemahan di Malaysia dengan memberi penekanan pada sejarah terjemahan di Malaysia. Selain daripada itu, bahagian pengenalan ini akan membincangkan penglibatan institusi-institusi dan organisasi-organisasi di Malaysia dalam bidang terjemahan.

Untuk melihat bidang terjemahan secara keseluruhan bahagian pengenalan kajian ini memberi penumpuan kepada definisi-definisi yang ditekankan para sarjana. Pada Nida (1969) yang lebih menitikberatkan pada makna dan gaya sesuatu teks, terjemahan merupakan aktiviti untuk menghasilkan mesej yang mempunyai persamaan yang terdekat dengan mesej daripada bahasa sumber.¹ Catford (1965) pula menyatakan bahawa terjemahan ialah proses penggantian teks daripada satu bahasa, iaitu bahasa sumber ke dalam bahasa lain (bahasa sasaran) melalui pengekal persamaan teks.² Daripada sudut yang berbeza, Newmark (1981) pula melihat terjemahan sebagai pertamanya, satu Sains yang meliputi pengetahuan dan penilaian fakta dan bahasa yang menggambarkannya; kedua, ia merupakan suatu kemahiran yang memerlukan penggunaan bahasa yang tepat dan padan; ketiga, terjemahan juga

merupakan suatu seni yang pastinya dapat membezakan antara penulisan yang bermutu dan sebaliknya dan akhirnya, terjemahan juga mencakupi suatu situasi, dan di situ pertelagahan dapat dimansuhkan dan kecenderungan dalam menghasilkan sesuatu yang bermutu dapat dipraktikkan.³ Jakobson (1960) pula lebih cenderung melihat terjemahan sebagai suatu proses penggantian makna memandangkan terjemahan melibatkan kemahiran manusia. Bagi Jakobson (1960) terjemahan merupakan suatu proses penggantian keseluruhan mesej dalam satu bahasa kepada bahasa yang lain tanpa pengasingan kod unit.⁴ Sebaliknya Sager (1993) pula melihat terjemahan sebagai suatu proses dan produk. Daripada perspektif proses, seperti Jakobson, Sager juga melihat terjemahan sebagai suatu aktiviti manusia untuk menghasilkan suatu produk. Produk pula merujuk kepada hasilan sama ada dalam bentuk buku, dokumen atau hasilan-hasilan lain yang ditulis dalam bahasa sasaran berdasarkan teks dalam bahasa sumber.⁵ Nord (1991) pula mengatakan terjemahan sebagai pengeluaran fungsional teks sasaran. Teks sasaran ialah sumber informasi, dan perkaitan yang wujud antara kedua-dua teks didasarkan pada fungsi yang diperuntukkan dan dituntutkan terhadap teks sasaran.⁶ Vermeer (1982) seperti yang dilaporkan oleh Nord (1991) pula memberikan suatu definisi berlainan daripada norma, iaitu beliau melihat terjemahan sebagai informasi yang sesuai dengan tujuan pengguna.⁷

Oleh itu apabila kita memperhalusi definisi-definisi di atas ternyata bahawa terjemahan mempunyai berbagai-bagai sifat semulajadi. Terjemahan bukan semata-mata suatu aktiviti yang menunjukkan satu perkataan daripada bahasa sumber dipindahkan kepada satu perkataan yang sepadan dalam bahasa sasaran, akan tetapi ternyata terjemahan telah lama memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan penyebaran ilmu pengetahuan seperti yang dijustifikasikan oleh Savory (1957:37):

aktiviti terjemahan hampir seusia dengan proses pengarangannya itu sendiri dan ia mempunyai satu sejarah yang mulia dan kompleks sepertimana bidang-bidang ilmu yang lain.⁸ (terjemahan saya)

Kini, domain terjemahan mara ke hadapan dan rangkuman kepentingan dan manfaat domain ini telah berkembang; contohnya di Malaysia, terjemahan juga memang mendapat tempat memandangkan dunia ini bukan lagi wujud secara tersendiri dan

berasingan akan tetapi ia dilihat sebagai kawasan yang tiada bersempadan. Oleh itu, seperti yang ditekankan oleh Nagao (1989) terjemahan bukan sahaja merupakan suatu manifestasi silatur-rahim dan muhibah antara negara-negara, akan tetapi ia juga membolehkan perpindahan ilmu, maklumat dan teknologi yang terkini, (Nagao:1989).⁹ Fenomena perpindahan maklumat, ilmu dan teknologi bukanlah perkara yang asing di Malaysia. Kesedaran akan kepentingan ilmu, maklumat dan teknologi telah terserlah dan mempunyai kesan terhadap masyarakat di Malaysia. Walau bagaimanapun perpindahan ilmu, maklumat dan teknologi ini tidak dapat dipraktikkan memandangkan sebahagian besar teks-teks ini hanya wujud dalam bahasa-bahasa lain tetapi bukan dalam bahasa Melayu (BM). Oleh itu, terjemahan merupakan alternatif yang wajar dalam usaha menangani masalah ini. Terjemahan teks-teks saintifik dan kesusasteraan ke dalam bahasa ibunda kita adalah penting dan ia harus dijadikan agenda kita yang utama. Pendeta Za'ba pernah mengatakan (Belham, 1998: 22):

walhasil dengan jalan terjemahan telah dapatlah daripada bangsa-bangsa maju oleh pendeta-pendeta dalam hati anak bangsa kita dan tatkala telah bertanah berakar benih-benih itu dalam diri masing-masing maka bertumbuhlah daripadanya beberapa bahan dan cawangan dan daun, ranting, bunga-bunga dan buah-buahnya. Dan dengan tarikan itu, terbukalah hati tiap-tiap diri kepada perasaan ingin hendak bertambah pengetahuan. Maka perasaan ini membawalah kepada kemajuan dan kasihkan negeri dan sebagainya; dan dari situ maka bumi itupun mengeluarkan pula beberapa manusia yang berilmu yang boleh menerbitkan fikiran sendiri dan mengarang sendiri hingga kemudiannya termasyhur mereka dalam cetera-cetera dunia serta menjadi teladan kepada anak cucu yang akan datang.

Aktiviti-aktiviti terjemahan di Malaysia telah bermula sebelum Malaysia mencapai kemerdekaannya. Ternyata selepas Perang Dunia Pertama kegiatan terjemahan sastera Arab dan karya agama agak giat dijalankan memandangkan gerakan untuk memperkenalkan fahaman Islam moden yang dipelopori oleh para ulamak sedang giat dilaksanakan di Timur Tengah, (Belham,1998:23). Kesan daripada gerakan itu terterbitnya *Hikayat Faridah Hanum (1925)*, *Hikayat Taman Cinta Berani (1928)*, *Hikayat Cermin Kehidupan (1929)* dan karya-karya lain yang diterbitkan dan diterjemahkan oleh Sayid Syekh Ahmad di Tanah Melayu. Akan tetapi menurut

Za'ba, sebelum itu *Hikayat Alf Laila Wa Laila (Hikayat Seribu Satu Malam)* telah diterjemahkan daripada bahasa Arab pada 1907 oleh Abdullah B. Abu Bakar di Pulau Pinang, (Belham, 1998:23). Selain itu, kegiatan terjemahan yang meluas juga telah dikesan dalam era Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) di Tanjung Malim dengan tertubuhnya Pejabat Penterjemahan pada 1 April 1924 yang kemudiannya lebih dikenali dengan Pejabat Karang Mengarang (PKM) yang diketuai oleh O.T Dussek dan Pendeta Za'ba dengan bertunggakkan 4 misi utama, iaitu (Belham,1998:23):

- (1) (a) memberi didikan dan latihan kepada bakat-bakat baru dalam domain terjemahan;
- (b) mengetuai proses penulisan, penterjemahan dan penyuntingan buku-buku pelajaran;
- (c) mengepalai proses penulisan, penterjemahan dan penyuntingan novel-novel moden;
- (d) dan melakukan terjemahan bahan-bahan yang diperlukan oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan.

PKM telah berjaya mengendalikan dan menerbitkan berbagai-bagai hasilkerja penulisan dalam berbagai-bagai bidang bermula dengan penerbitan buku-buku pelajaran bagi sekolah-sekolah Melayu berakhir dengan penerbitan bahan bacaan ringan. Antaranya ialah *Malay School Series*, *Malay Home Library Series (1929)*, *Sang Maharaja Singa*, *Cerita-cerita Sherlock Holmes*, *Cerita Robin Hood*, *Panglima Hercules*, *Goa Intan Sultan Sulaiman*, *Cerita-cerita Duka Shakespeare*, *Ilmu Syarikat Berkerjasama (1934)*, *Penyakit Demam Kura (Malaria)*, *Umbi Kamajuan Atau Falsafah Takdir (1932)* dan berbagai lagi, (Belham, 1998:23). Sejak penubuhan PKM, sekumpulan penterjemah-penterjemahnya seperti Yazid bin Ahmad, Abdul Kudus bin Muhammad, Ahmad Murad Nasaruddin dan Abdul Rahman Yusop telah berjaya menterjemahkan 64 buah buku di bawah siri *The Malay Home Library* sehingga pembubaran PKM pada tahun 1959, (Belham, 1998: 22).

Selepas kemerdekaan, dengan pemaktuban BM sebagai bahasa rasmi negara dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152(1) dan kemudiannya Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 serta dengan tertubuhnya sekolah menengah aliran BM maka didapati permintaan bagi bahan bacaan BM telah meningkat dengan mendadaknya, (Belham,1998:23). Tambahan pula, perlaksanaan Laporan Razak pada tahun 1956

telah mengangkat lagi status BM sebagai bahasa rasmi Malaysia, (DBP, 1967:19):

Laporan Razak telah diterima sebagai satu polisi pendidikan yang baru. Laporan ini merupakan suatu titik permulaan dalam mengorientasikan sistem pendidikan negara dan menegakkan penggunaan BM dalam sistem pendidikan.¹⁰ (terjemahan saya)

Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberikan galakkan dan penekanan yang jitu terhadap usaha-usaha terjemahan di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditubuhkan pada Julai, 1956 merupakan satu organisasi yang ditubuhkan berdasarkan falsafah bahawa tugas menterjemahkan ilmu daripada bahasa-bahasa asing kepada bahasa ibunda merupakan suatu agenda negara dan organisasi ini telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia dalam menambahkan usaha untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti terjemahan di Malaysia, (DBP, 1967:19). Ini terbukti dengan penerbitan buku pertama '*Anak Raja Dengan Anak Papa*' oleh DBP hasil karya terjemahan Pendita Za'ba pada tahun 1957, (DBP,1995).

Pada tahun 1967, DBP telah berjaya menterjemahkan 234 buah buku, (DBP,1967:28) dan kejayaan ini diteruskan dengan terbitnya 500 buah buku yang telah diterjemahkan sehingga tahun 1995, (DBP, 1995: 28). Sejak dari itu, berbagai-bagai teks terjemahan dalam berbagai-bagai bidang telah diterbitkan dengan jayanya. Usaha ini masih terus dijalankan sehingga ke hari ini.

DBP mengusahakan penterjemahan buku teks dan buku rujukan peringkat pengajian tinggi dalam berbagai-bagai bidang ilmu, buku sastera yang bertaraf agung, buku falsafah dan buku umum, peringkat dewasa, remaja dan kanak-kanak. Keutamaannya diberikan kepada penterjemahan buku daripada berbagai-bagai bahasa ke BM...dan daripada BM ke bahasa-bahasa lain. ...Usaha ini bertujuan untuk memperkenalkan sastera tanah air ke dunia luar di samping mendedahkan masyarakat pembaca di Malaysia kepada karya-karya sastera yang terkenal. (DBP, 1995:33).

Usaha ini juga disahut oleh penerbit-penerbit asing dan tempatan seperti Oxford University Press (*Cerita-cerita Shakespeare* terjemahan A. Samad Said pada tahun 1961, *Pelayaran Sinbad* terjemahan Tajuddin Busu pada tahun 1965, Longmas (*Permata Cahaya Bulan* pada tahun 1964, *Kaki Langit yang Hilang* pada tahun 1964,

Pengembaraan Ke Pusat Bumi 1964), Pustaka Antara, Syarikat Berhad Penerbitan dan Perdagangan (*Sekapur Sirih dari Vietnam* terjemahan A. Rahman Rahim pada tahun 1961, *Sayang Si Hitam* terjemahan M. Sallehudin pada tahun 1967) dan penerbit-penerbit lain yang giat menterjemah buku-buku ke dalam BM, (Belham, 1998).

Usaha yang jitu ini juga telah sama disahut oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) yang telah ditubuhkan pada 14 September 1993. Penubuhannya merupakan satu detik bersejarah dalam industri Penterjemahan di Malaysia. ITNM ialah sebuah badan yang ditugaskan untuk (ITNM, 1994: sumber internet):

menyelaras kerja-kerja terjemahan dan kejurubahasaan serta menyediakan prasarana industri Penterjemahan dan kejurubahasaan di peringkat antarabangsa,...dan menangani hal ehwal Penterjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan maklumat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Secara amnya, kepelbagaian aktiviti ITNM dapat dibahagikan kepada 2; iaitu pertamanya Aktiviti Teras dan diikuti oleh Aktiviti Sokongan. Aktiviti Teras institusi ini tertumpu kepada aktiviti terjemahan buku Karya Klasik/Agung dan buku-buku pengetahuan terkini. Institusi ini tidak ketinggalan juga menyediakan perkhidmatan penterjemahan dan kejurubahasaan. Sementara Aktiviti Sokongan tertumpu kepada penyediaan prasarana untuk mengiatkan lagi pertumbuhan industri penterjemahan seperti pengendalian kursus dan bengkel penterjemahan dan bahasa, (Internet: Homepage ITNM). Sehingga kini ITNM telah berjaya menterjemahkan dan menerbitkan 32 judul buku. Antaranya ialah *Koleksi Rafflesia*, iaitu koleksi karya William Shakespeare (1995) dan *Penampilan Imej* (1997) yang diterjemahkan oleh panel penterjemah ITNM, *Bilik Darjah Semuafakat* (1997) terjemahan Saliah Abdul Aziz, *Berfikir Sendiri* (1997) terjemahan Rohani Sulaiman, *Word Cara Mudah* (1997) diterjemahkan oleh Norlida Jantan dan *Islam Teras Masa Depan* (1998) terjemahan Arsil Ibrahim. Sejak penubuhannya ITNM juga telah menyediakan perkhidmatan penterjemahan dokumen kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, (sesi Wacana : 1999).

Selain daripada itu, dengan tertubuhnya Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) pada

8 April 1978 yang telah berdaftar secara rasminya pada 4 Oktober 1979 maka kegiatan terjemahan di Malaysia telah berjalan dengan lebih giat lagi. Menterjemahkan buku-buku ilmu untuk kegunaan Institusi Pengajian Tinggi merupakan misi awal persatuan ini; persatuan ini terus berkembang dan mula mempelbagaikan aktivitinya. Antara aktiviti-aktivitinya sejak penubuhannya, PPM telah mengendalikan lapan Persidangan Penterjemah Antarabangsa dua tahunan di Malaysia, mengendalikan kursus-kursus terjemahan bersiri, kursus akademik dan mengadakan bengkel serta ceramah terjemahan.

Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia giat menyediakan dan menawarkan program-program dan kursus-kursus terjemahan kepada bakal-bakal penterjemah di Malaysia; misalnya, dengan bermatlamat untuk mengeluarkan penterjemah profesional yang berpengetahuan dan berkeupayaan, Universiti Sains Malaysia telah mula menawarkan terjemahan sebagai program minor sejak 1985 dan sebagai Ijazah Sarjan Muda Sastera sejak tahun 1992. Selain daripada itu, di bawah kelolaan Pusat Pendidikan Berterusan yang bermatlamatkan untuk menyediakan pendidikan penterjemahan yang bertaraf profesional, Universiti Malaya (UM) menawarkan Diploma dalam Penterjemahan bagi bakal-bakal penterjemah di Malaysia. Tidak ketinggalan juga, di bawah naungan Jabatan Terjemahan dan BM, Fakulti Pengajian Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia telah mula menawarkan kursus-kursus sampingan terjemahan seperti *Terjemahan Untuk Media, Terjemahan Teks Sastera dan Terjemahan Teks Berunsurkan Agama* kepada pelajar-pelajarnya sejak tahun 1996.

Daripada perspektif kehakiman dan perundangan pula, pelaksanaan penggunaan BM merupakan langkah untuk meningkatkan taraf BM sebagai bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi Malaysia. Pelaksanaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 pada September 1967 telah menegaskan lagi penggunaan BM dalam bidang perhakiman dan perundangan. Titik permulaan bagi pelaksanaan dasar ini ialah aktiviti-aktiviti penterjemahan borang-borang yang ditetapkan oleh undang-undang, dan selaras dengan itu, Unit Terjemahan telah diwujudkan pada 1 April 1964. Tugas unit ini, yang pada amnya, terbahagi kepada empat garisan:

pertama, untuk menterjemahkan undang-undang dan borang yang perlu bagi kegunaan orang ramai dan

jabatan-jabatan kerajaan dengan segera...keduanya, untuk menterjemahkan undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perintah-perintah...dari semasa ke semasa...ketiga, menterjemahkan undang-undang yang sedia ada ...dan akhir sekali menterjemahkan perjanjian antarabangsa dan lain-lain. (Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara : 1994:4)

Selain daripada itu, dengan pindaan Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 maka segala prosiding di mahkamah telah dilakukan dalam bahasa kebangsaan kecuali keterangan oleh saksi sehingga pada hari ini, (Faiza Tamby Chik, 1994). Untuk memantapkan lagi perlaksanaan penggunaan bahasa kebangsaan dalam bidang kehakiman dan perundangan usaha-usaha telah diambil untuk menyeragamkan dan meyelaraskan istilah-istilah perundangan yang digunakan (Mashudi Kader, 1997). Untuk itu, tindakan sedang diambil untuk membuat pindaan bagi Akta Penyemakan Undang-undang 1968 untuk membolehkan proses mengemaskinikan dan meyelaraskan istilah-istilah perundangan, (Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara : 1994).

Usaha untuk melakukan aktiviti terjemahan dengan bantuan komputer telah mula dilakukan oleh berbagai-bagai institusi dan organisasi di Malaysia. Antaranya ialah Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan tidak ketinggalan juga Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM). Walau bagaimanapun sehingga kini hanya Universiti Sains Malaysia yang masih meneruskan usaha-usaha ini di bawah kelolaan Unit Terjemahan Mesin Komputer (UTMK) dan tentang beberapa masalah dalam terjemahan teks komputer telah dibincangkan dalam Mashudi Kader (1986).

UTMK telah bermula pada tahun 1978 sebagai satu projek dan telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1984. Ia merupakan satu unit yang ditugaskan melakukan kajian-kajian dan kerja-kerja pembangunan dalam bidang Linguistik Berkomputer dan Bahasa Tabii berlandaskan applikasi Terjemahan Berkomputer. Objektif penubuhan UTMK adalah seperti dalam (2) :

- (2) (a) mereka dan membangunkan sistem Terjemahan Berkomputer yang dapat menjadi landasan untuk membina aplikasi terjemahan untuk digunakan pada skala industri pada masa akan datang;
- (b) membina dan menguji berbagai-bagai peralatan komputer bagi kegunaan yang serta-merta atau segera;
- (c) membina nahu dan leksikon BM dan bahasa Inggeris (BI) bagi kegunaan sistem Terjemahan Berkomputer dan bagi kegunaan aplikasi bahasa;
- (d) membina peralatan komputer and sistem sokongan bagi tujuan kajian dalam linguistik dan terjemahan, dan bagi kegunaan lain yang juga melibatkan bahasa;
- (e) membangunkan sumber manusia dan kepakaran dalam Linguistik Berkomputer dan Bahasa Tabii, dan mempromosikan kedua-dua bidang ini dalam dan di luar negara.

Oleh kerana tesis ini bukan tentang terjemahan berkomputer, tajuk ini tidak akan disebut lagi dalam tesis ini selanjutnya.

1.0.2 Tinjauan dan Pernyataan Masalah

Secara amnya, kajian-kajian perbandingan struktur dan makna serta strategi terjemahan amatlah kurang walaupun kajian sedemikian adalah amat penting bagi para penterjemah dan domain terjemahan. Akan tetapi, terdapat berbagai-bagai kajian yang dilakukan melibatkan domain terjemahan. Salah satu daripadanya ialah kajian yang dilakukan oleh Zareen Ali Jassem dan Jassem Ali Jassem (1995). Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara BI dan bahasa Arab dalam proses terjemahan istilah Linguistik. Dalam kajian ini, pengkaji-pengkaji mendapati bahawa satu garis panduan perlu diadakan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam proses terjemahan istilah linguistik, iaitu peminjaman kata, ayat atau istilah daripada bahasa sumber (transliterasi) harus dilarang sama sekali. Kedua-dua pengkaji merasakan bahawa penggunaan transliterasi untuk menterjemahkan istilah linguistik akan menimbulkan masalah pemahaman para pembaca dan jika penggunaan transliterasi dalam aktiviti terjemahan digalakkan dan diteruskan juga masalah

kehilangan identiti kedua-dua bahasa akan berlaku.

Selain itu, Asim Gurawan (1995) telah menjalankan satu kajian untuk mengetahui dan mengenal pasti reaksi subjektif pembaca-pembaca apabila membaca karya-karya puisi asli dan versi terjemahannya. Bagi tujuan tersebut, dua puisi daripada bahasa Inggeris (BI) dan bahasa Indonesia serta versi terjemahan masing-masing telah dipilih. Tambahan pula, 2 kumpulan pembaca juga dipilih untuk dijadikan subjek kajian ini. Kumpulan yang pertama terdiri daripada pembaca-pembaca Indonesia dan yang keduanya terdiri daripada penutur asli BI yang telah mempelajari bahasa Indonesia. Pembaca-pembaca daripada kedua-dua kumpulan diminta menyatakan kadar ekspresi mereka ketika membaca kedua-dua karya dan versi terjemahannya. Analisis kajian ini dilakukan dengan menggunakan Teknik Kelainan Semantik. Oleh itu, 12 variasi kadar apresiasi telah digariskan bagi tujuan kajian ini. Variasi-variasi kadar apresiasi tersebut adalah seperti dalam (3):

- (3) a) Mendalam – Luaran
- b) Tidak Ketara – Ketara
- c) Abstrak - Konkrit
- d) Tidak Bermakna - Bermakna
- e) Ringkas - Melerek
- f) Tepat dan Padan – Kabur

Sementara itu, Hasuria Omar (1995) pula telah menjalankan satu kajian yang meninjau kesan terjemahan terhadap makna (semantik) yang terhasil daripada proses terjemahan buku-buku teks Geografi daripada BI (bahasa sumber) kepada BM (bahasa sasaran). Sebagai sumber data, Hasuria Omar (1995) telah menggunakan 2 buah buku:

- (4) a) Man and The Environmental Process
- b) Manusia dan Proses Persekitaran (versi terjemahan)

Selain kajian-kajian di atas, Adirukmi Noor Salleh (1991) telah melakukan kajian terhadap proses terjemahan nama-nama tumbuhan ubat tradisi daripada BM (bahasa sumber) kepada BI (bahasa sasaran), contohnya Tongkat Ali, Payung Ali dan Misai Ali. Pengkaji ini telah membincangkan berbagai-bagai masalah yang timbul akibat ketidakseragaman dalam penggunaan nama-nama ini. Antara masalah yang timbul adalah seperti dalam (5):

- (5) a) kesalahfahaman dalam sebutan
- b) hasil yang berbeza dalam kajian fitokimia;
- c) tumbuhan yang sama mempunyai nama yang berbeza dan sebaliknya;
- d) permasalahan dalam pengelasan tumbuhan.

Penyelidik telah menggariskan aturan untuk mengatasi masalah-masalah ini, iaitu:

- (6) a) penyusunan istilah bagi kamus terutamanya dialek-dialek di Malaysia;
- b) mewujudkan kerjasama antara pakar bahasa, pakar ubatan tradisional dan pakar tumbuh-tumbuhan;
- c) mengadakan penyelidikan yang mendalam tentang dialek-dialek di Malaysia.

Arif Karkhi Abukhudairi (1991) pula dalam kajiannya telah menghuraikan masalah dalam proses terjemahan puisi Melayu dan Korea ke dalam bahasa Arab dengan penumpuan kepada:

- (7) a) masalah pemilihan perkataan yang padan;
- b) masalah penggunaan perkataan oleh para penyair;
- c) masalah beban yang dipertanggungjawabkan ke atas penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang terbaik.

Bagi perbincangan kajian ini, Arif Karkhi Abukhudairi (1991) telah memetik sumber data daripada Tanfis (1983), Qasaid Koriyah (1984) dan Lanest Salaam (1991).

Penyelidik telah membuat kesimpulan bahawa :

Pertamanya, bilangan antologi Melayu dan Korea yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab hanya sedikit; keduanya, masalah yang melibatkan terjemahan puisi Melayu dan Korea sebahagiannya disebabkan oleh bahasa puisi dan sebahagiannya disebabkan oleh kekurangannya kamus khusus. ...akhirnya, walaupun masalah-masalah ini adalah banyak dan berbagai tetapi ia tidak sukar untuk diselesaikan.

Selain daripada kajian daripada Arif Karkhi Abukhudairi (1991), Lim (1997) juga telah melakukan kajian perbandingan ke atas 4 jenis struktur ayat anatar bahasa BI dan BM. Iaitu :

- (8) a) Ayat yang mempunyai kata Hubung
- b) Ayat Kehadiran dan Ayat Bereksplitif "IT"
- c) Ayat Kehadiran
- d) Ayat Pasif
- e) Ayat Nafi

Tiga teks linguistik dan versi terjemahannya telah dipilih oleh pengkaji sebagai

sumber pengumpul data; iaitu:

- (9) a) Dialectology - Chambers dan Trudgill (1980)
- b) Psycholinguistics - Steinberg (1982)
- c) Semantics - Palmer (1989)

Dalam kajiannya, Lim (1997:xiii) telah menegaskan bahawa:

antara dapatan yang signifikan ialah kehilangan subjek ayat selepas terjemahan ayat-ayat kehadiran serta dalam terjemahan ayat-ayat pasif orang pertama dan kedua, klitik menggantikan *frasa nama* pelaku. Ayat Pasif dapat diterjemahkan menjadi ayat aktif dan sebaliknya. Ayat Nafi juga dapat diterjemahkan menjadi Ayat Bukan Nafi. Kenafian Frasa Adjektif berubah menjadi Kenafian Frasa Kata Kerja dalam BM. Ayat yang mempunyai Kata Hubung berubah menjadi ayat yang tidak mempunyai Kata Hubung langsung.

Penghuraian kajian-kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji dalam bidang terjemahan jelas menunjukkan bahawa satu kajian yang melibatkan perbandingan struktur, makna dan strategi terjemahan adalah amat terhad. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai pengumpul maklumat bagi perbandingan struktur dan makna serta strategi terjemahan antara BM dan BI. Kajian ini akan menyentuh ketiga-tiga aspek struktur, makna dan strategi terjemahan dalam menganalisis dan membandingkan *frasa nama* (N') antara BM dan BI. Selain daripada itu, kajian ini dijangka dapat dijadikan sebagai contoh bagi kajian-kajian lain yang juga akan melibatkan perbandingan aspek-aspek yang sama antara kedua-dua bahasa atau bahasa-bahasa yang lain.

1.1 Tujuan Kajian

Secara khusus, kajian ini akan cuba :

- (10) a. membandingkan secara terperinci struktur bagi *frasa nama* BM dengan BI dalam teks terjemahan **Ranjau Sepanjang Jalan** (Shannon , 1966) dan **Rentung** (Shannon, 1983);
- b. mengenal pasti kesan perubahan makna yang wujud akibat daripada kesan perbezaan terjemahan terhadap struktur *frasa nama* serta meneliti puncanya;

- c. menganalisis dan menentukan strategi-strategi yang digunakan oleh kedua-dua Penterjemah – Adibah Amin dan Harry Aveling, dalam menterjemahkan kedua-dua novel Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Rentung*.

Kajian ini memilih untuk melakukan perbandingan antara struktur bagi *frasa nama* (N') dalam BM dan BI kerana beberapa hal. Pertamanya, BM merupakan bahasa rasmi Malaysia manakala BI merupakan bahasa kedua penting di Malaysia; keduanya, terdapat limpahan kajian yang dijalankan dalam berbagai-bagai aspek BI yang sekaligus menjadikannya sebagai bahasa yang telah dikaji secara meluas. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan BI, terdapat beberapa aspek-aspek sintaksis dalam BM yang masih belum diselidiki dengan tuntas dan terperinci. Selain itu, perbandingan antara BM dan BI akan dapat dijadikan satu cara untuk mengenali ciri-ciri kedua-dua bahasa. Ramli Salleh, (1995:ix) ada menekankan bahawa :

dengan membandingkan dua bahasa atau lebih, ciri-ciri setiap bahasa dapat diketengahkan dan ciri-ciri ini dapat difahami dengan lebih baik lagi apabila dibandingkan dengan bahasa lain.

Akhirnya, memandangkan BM dan BI merupakan dua bahasa yang tiada mempunyai apa-apa kaitan kekeluargaan ataupun sejarah, maka terdapat beberapa perbezaan dan kelainan antara kedua-dua bahasa tersebut yang boleh menghasilkan dapatan yang menarik bagi kajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kelainan dan perbezaan yang wujud dalam struktur *frasa nama* (N') antara BM dan BI. Selain daripada itu, Miles(1971:335) juga menekankan bahawa "...perbezaan yang ketara boleh didapati antara struktur-struktur N' dalam dua bahasa dari segi pengagihan morfem yang secara tidak langsung menandakan pengagihan sintaksis konstituent tersebut"¹¹, (terjemahan saya).

Kajian ini juga melihat perubahan makna yang wujud akibat daripada perubahan struktur N' antara kedua-dua bahasa dan strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemahan dalam menterjemahkan struktur ini.

1.2 Persoalan Kajian

Seperti yang diuraikan di atas, pemerian kajian ini akan mencari jawapan kepada soalan-soalan kajian yang berikut:

- (11) (a) Setakat manakah perbezaan antara struktur *frasa nama* (N') BM dan BI?
- (b) Setakat manakah perubahan struktur N' dalam kedua-dua bahasa menyebabkan perubahan makna?
- (c) Makna yang macam manakah yang terjejas akibat perubahan struktur?
- (d) Setakat manakah pandangan dunia BM dapat dipindahkan kepada pandangan dunia BI?
- (e) Apakah strategi yang digunakan oleh penterjemah dalam terjemahannya dan sejauh manakah strategi ini menjejaskan output terjemahan?

1.3 Bidang Kajian

1.3.1 Ruang Lingkup Data

Kajian ini akan mengenal pasti dan seterusnya menganalisis *frasa nama* N' pada peringkat struktur luar dalam BM dan BI daripada novel-novel **Shahnon Ahmad: Ranjau Sepanjang Jalan** (1966) dan **Rentung** (1983) dan versi-versi terjemahannya **No Harvest But A Thorn** (1972) dan **Rope of Ash** (1979) yang diterjemahkan oleh **Adibah Amin** dan **Harry Aveling**.

1.3.2. Skop Analisis

Pada dasarnya, N' dapat ditakrifkan sebagai (Nik Safiah et al., 1988:2):

binaan dalam ayat yang terdiri daripada *kata nama* (noun), *kata nama* terbitan dan kata gantinama. Ia merupakan satu daripada 4 konstituen penting dalam ayat.

Quirk (1972:127) pula menakrifkan N' sebagai elemen dalam pembentukan ayat yang berfungsi sebagai subjek, objek dan komplemen.

Dalam *Dictionary of Linguistics and Phonetics* (Crystal, 1997:209) *kata nama* dianggap sebagai butiran yang mempamerkan beberapa jenis *fleksi*; contohnya dalam *kasus* dan *bilang*an), mengandungi *taburan* dan dapat melakukan fungsi sintaksis;

contohnya sebagai *subjek*, *objek* dalam sesuatu ayat atau *objek kata depan* (Crystal, 1997:209). *Kata nama* juga dapat disubkategorikan kepada *kata nama khas* dan *kata nama am*, dan ia dianalisis daripada segi *bilangan*, *kasus*, *genus* dan *hitungan*. Oleh itu, konstruksi *frasa nama* atau Kumpulan Namaan berlaku apabila *kata nama* bertindak sebagai *kata inti* (Head) dan ia mengandungi *kata nama* (atau pengganti Nama; contohnya *ganti nama*). Tambahan pula konstruksi sebelum dan selepas *kata nama* ini selalunya berfungsi sebagai pra-modifikasi dan pasca modifikasi.

Oleh yang demikian, bagi tujuan membandingkan dan menganalisis secara terperinci struktur bagi N' BM dan BI, dan mengenal pasti kesan perubahan makna yang wujud akibat daripada kesan perbezaan struktur N' serta meneliti puncanya dalam kedua-dua novel **Shahnon Ahmad** dan versi terjemahannya, maka skop analisis kajian ini akan mencakupi aspek-aspek berikut:

1.3.3 N' Sebagai Subjek

1.3.4 N' dalam Predikat

N' yang hadir sebagai *objek* kepada *kata depan* tidak dianalisis.

1.3.3 N' (Frasa Nama) Subjek


N' Subjek terbahagi kepada:

1.3.3.1 N' Subjek Simpleks (Asas)

1.3.3.2 N' Subjek Kompleks

Kategori N' Subjek dapat diringkaskan dengan rajah 1 di bawah :

Rajah 1
Frasa Nama (N') Subjek



Dalam tesis ini N' meliputi Frasa dan Klausa.

Contoh-contoh pengkelasan N' *Subjek* adalah seperti dalam 1.3.3.1 – 1.3.3.2.

1.3.3.1 N' Subjek Simpleks (Asas)

Bagi tujuan pemahaman, pengkaji akan mengutarakan contoh-contoh ayat yang dipetik daripada kedua-dua karya **Shannon Ahmad**. Setiap contoh memberi maklumat yang tepat tempat ayat ini dipetik dalam teks sumber dan terjemahannya. N' ialah bahagian yang berbaris bawahnya.

- (12) a. (RSJ:47) Selut pekara biasa.
(NHBAT: 44) Mud is an ordinary everyday thing.
- b. (RSJ:49) Padi Malinja dan padi Siam akan memberi kekuatan kepada budak-budak itu.
(NHBAT:45) Malinja rice and Thai rice would give strength to the children.
- c. (RSJ:47) Dan tumbanglah beberapa menerong.
(NHBAT:43) And several menerongs fell.
- d. (R:11) Daun-daun itu dipilih-pilih dan diselak-selak.
(ROA:9) He sorted through the bundle, then pulled one out and flattened.

1.3.3.2 N' Subjek Kompleks

Kelompok N' Subjek ini pula dapat dibahagikan kepada:

1.3.3.2.1 Frasa Relatif Sebagai N' Subjek

1.3.3.2.2 Frasa Nama Kompleks (Klausa Nama)

1.3.3.2.1 Frasa Relatif Sebagai N' Subjek

Contoh-contoh yang dipetik daripada kedua-dua novel bagi kelompok *frasa relatif* sebagai N' *Subjek* adalah seperti berikut:

- (13) a. (RSJ: 66) Onak yang bersarang dalam tidak juga keluar.
(NHBAT:61) The thorn lodged inside still did not come out...
- b. (RSJ:125) Rumah yang mesti disalin atapnya....
(NHBAT:115) The house needing a new roof...

- c. (RSJ:135) Kiah anaknya yang bongsu dan yang sudah tahu memungut ketam itu...
 (NHBAT:125) Kiah, her youngest child, who could already pick up crabs....
- d. (RSJ:3) Yang lain bising bercakap tentang pasir-pasir yang kononnya dikatakan telah hangit.
 (NHBAT:2) The others were loudly complaining that the rice had burnt.

Ayat yang mempunyai *frasa relatif* dapat dikenal pasti dengan *kata penghubung relatif yang* dan ia digunakan untuk menerangkan *frasa nama*. Selain daripada itu, pada dasarnya ayat yang mempunyai *frasa relatif* ini dapat dibahagikan kepada: *frasa relatif berkepala* dan *frasa relatif tanpa kepala*. Haruslah ditelitikan bahawa kesemua ayat *frasa relatif* sebagai *N' subjek* di atas; iaitu ayat (a) hingga (c) adalah daripada pengelasan *frasa relatif berkepala*; walau bagaimanapun ayat (d) merupakan ayat daripada pengelasan *frasa relatif tanpa kepala*.

1.3.3.2.2. Frasa Nama Kompleks (Klausa Nama)

Contoh bagi struktur ini adalah seperti berikut:

- (14) a. (RSJ:3) Untuk mencari kerja lain pun serupa juga.
 (NHBAT:2) Nor was there any point in looking for another source of income.


1.3.4 N' (Frasa Nama) dalam Predikat

N' dalam predikat juga terbahagi kepada:

- 1.3.4.1 N' dalam Predikat Simpleks (Asas)
 1.3.4.2 N' dalam Predikat Kompleks

dan kelompok-kelompok ini dapat diringkaskan seperti berikut (rajah 2):

Rajah 2
Frasa Nama (N') dalam Predikat



Contoh-contoh pengelasan *N' dalam predikat* adalah seperti dalam ayat 1.3.4.1 – 1.3.4.2.

1.3.4.1 N' dalam Predikat Simpleks (Asas)

Bagi kelompok *N' subjek simpleks*, contoh-contoh yang dipetik daripada kedua-dua karya adalah seperti di bawah:

- (15) a. (RSJ:43) Sanah dan Milah mendengar jerkah bapanya itu.
(NHBAT:40) Sanah dan Milah heard their father's shout.
- b. (RSJ:12) Kedatangan kopi hitam pekat itu mematikan perbincangan mereka.
(NHBAT:10) The arrival of the coffee killed their discussion.

1.3.4.2 N' dalam Predikat Kompleks

Bagi kelompok ini, ia terdiri daripada :

- 1.3.4.2.1 Frasa Relatif Sebagai N' dalam Predikat
- 1.3.4.2.2 Objek Komplemen
- 1.3.4.2.3 Ayat Keterangan

1.3.4.2.1 Frasa Relatif Sebagai N' dalam Predikat

Antara contoh-contoh ayat bagi kelompok ini adalah seperti dalam (16)

- (16) a. (RSJ:73) Jeha juga seorang peladang yang tahu harga bendang.
(NHBAT:68) Jeha was also a farmer who knew the value of the rice-field.
- b. (R:7) Dia ingin mengetahui siapa yang selama ini mengikuti jejaknya.
(ROA:6) He wanted to know who had been following him.

Frasa relatif-sebagai N' dalam predikat juga dapat dikenal pasti kewujudannya dengan *kata penghubung relatif yang*. Akan tetapi ia berfungsi sebagai predikat dan bukan subjek. Ayat-ayat dalam kelompok ini juga dapat tergolong dalam *frasa relatif berkepala*. Bagi contoh-contoh ayat di atas, ayat-ayat (a)-(b) dapat dikelompokkan sebagai *frasa relatif kepala*.

1.3.4.2.2 Objek Komplemen

Contoh ayat kelompok objek komplemen adalah seperti dalam (17):

- (17) a. (RSJ:95) Tetapi terbukti bahawa Tuk Penghulu akan menolongnya hingga boleh tanam.
(NHBAT:88) But it turned out to be true that the Tok Penghulu would continue to help until the rice-field was ready for planting

Klausa Komplemen berfungsi sebagai pelengkap ayat dan ia terbentuk daripada *frasa nama, frasa kerja* atau *frasa adjektif*. Objek Komplemen dapat dikenal pasti dengan kehadiran penyaji pelengkap (komplementizer) bahawa atau sama ada.

1.2.4.2.3. Ayat Keterangan/Tujuan

- (18) a. (RSJ:2) Dan untuk mengheret batang itu dari belukar ke jalanraya bukan mudah.
(NHBAT:6) And to haul the stem to the main road was no easy task.
- b. (R:109) Dia teringat bagaimana muslihat mempengaruhi seluruh penduduk kampung supaya Semaun terus di buang.
(ROA:85) He thought of how he had lied so that the villagers would want to get rid of Semaun.

Seperti yang diperkatakan, kajian ini tertumpu kepada penganalisan dan perbincangan struktur *N' Subjek* dan *N' dalam Predikat* dan kesamaan dan perubahan makna yang wujud akibat kesan perubahan perbezaan struktur ini dalam teks-teks BI dan BM

Pada keseluruhannya, skop kajian ini merangkumi 3 bahagian yang utama:

- (19) (a) Deskripsi struktur bagi *N' Subjek* dan *N' dalam Predikat* dalam novel-novel **Shahnon Ahmad – Ranjau Sepanjang Jalan (1966)** dan **Runtung (1983)**,
- (b) Penganalisan dan perbandingan dari segi kesamaan dan perbezaan struktur-struktur *N'* dan perubahan makna yang berlaku dalam versi terjemahan novel-novel tersebut - **No Harvest But a Thorn (1972)** dan **Rope of Ash (1979)** oleh **Adibah Amin dan Harry Aveling**.
- (c) Mengenal pasti dan menentukan strategi-strategi Terjemahan yang digunakan oleh penterjemah-penterjemah.

1.4 Kaedah Kajian

Pengumpulan data bagi kajian ini mengikuti beberapa kaedah:

1.4.1 Rujukan Maklumat

Penyelidik melakukan rujukan perpustakaan di beberapa perpustakaan utama di negara ini dan di laman web untuk memastikan pengumpulan data dan maklumat yang sempurna dan tepat bagi kajian ini. Selain daripada itu, sesi wacana dengan menggunakan kaedah temubual tanpa berstruktur juga telah dilakukan bersama beberapa orang pegawai di DBP dan ITNM. Antaranya:

- (21) a. Puan Rosilawaty Bt Sharif
Pegawai Penerangan, Dewan Bahasa dan Pustaka
- b. Puan Atiah Salleh
Persatuan Penterjemah Malaysia
- c. Cik Suziana Bt Abdul Aziz
Pegawai Pengurusan, Institut Terjemahan Negara Malaysia.

1.4.2 Analisis Struktur dan Kandungan

Penyelidik telah menganalisis kandungan kedua-dua novel **Shahnon Ahmad** iaitu; **Ranjau Sepanjang Jalan (1966)** dan **Rentung (1983)** dan versi-versi terjemahannya. Frasa Nama (*N'*) di kenal pasti dan dibandingkan pada tahap struktur luar mengikut teori *X-bar*.

1.5 Kerangka Teori

Terdapat tiga aspek timbunan teori yang dipilih secara eklektik mengikut kesesuaiannya bagi kegunaan kajian ini. Yang pertama ialah teori struktur bahasa. Untuk itu, kajian ini menggunakan *Teori X-bar* dalam teori Government and Binding (Chomsky, 1982), Radford (1981) sebagai landasan penganalisan struktur *N'* yang diterjemahkan daripada BI kepada BM. Keduanya, kajian ini menggunakan idea Newmark (1988); yakni Terjemahan Melampau, Terjemahan Kurang dan Terjemahan Salah dalam menentukan kesan yang berlaku dalam terjemahan *N'* daripada BM kepada BI. Ketiganya, dalam menganalisis strategi terjemahan yang digunakan oleh kedua penterjemah, kajian ini menggunakan strategi terjemahan yang digariskan oleh Nida (1964), Newmark (1981) dan Vermeer seperti yang dilaporkan oleh Nord (1997) serta Hipotesis Sapir-Whorf seperti yang dilaporkan oleh Fishman (1972) dan analisis komponen Katz dan Fodor (1963) bagi analisis makna kata.

1.5.1. Teori Struktur Bahasa

Teori Kuasaan dan Tambatan GB telah digariskan dalam Chomsky (1982). Pembentukan *teori GB* menandakan satu perkembangan yang ketara dalam *teori linguistik transformasi generatif*. Ia dibentuk untuk memenuhi keperluan bahasa yang pada dasarnya mempunyai konsep dan prinsip yang lebih kompleks. Oleh yang demikian, *teori GB* membuka ruang dan peluang yang luas bagi bahasa.

Teori GB berbeza daripada teori-teori yang sebelumnya bukan hanya kerana sistem modular yang signifikan bahkan juga kerana keupayaan teori ini menggambarkan bahasa itu dengan jitu. Sintaksis *ST* merupakan Sistem Terbitan yang mengandungi peraturan-peraturan. Akan tetapi dalam

teori GB peraturan ini dikurang dan dipermudahkan. Yang lebih menarik lagi peraturan-peraturan ini ditambahkan dengan prinsip-prinsip yang statik. ¹² (terjemahan saya)

Seperti yang telah diterangkan di atas, *teori GB* mempunyai satu set subteori yang setiap subteorinya mempunyai prinsip-prinsip tertentu dan pada amnya ia mencakupi variasi parameternya yang tersendiri. Subteori-subteori tersebut ialah:

- (22) (a) Teori X-BAR
Teori (Teori Theta)
Teori Kasus (Case)
Teori Tambatan (Binding)
Teori Tautan (Bounding)
Teori Kawalan (Control)
Teori Kuasaan (Government)

Akan tetapi interaksi antara subteori amatlah penting agar wujud bersama apabila mewakili bahasa. Walau bagaimanapun bagi tujuan kajian ini, hanya *teori X-bar* sahaja yang digunakan oleh penyelidik dan teori ini dijadikan asas penganalisan struktur luar bagi N' dalam BI dan BM.

1.5.1.1. Teori X-Bar

Teori X-bar mengandungi satu struktur skemata yang setiap pembinaan sintaksisnya perlu mematuhi agar ia betul daripada segi tatabahasa. Pada asasnya, *teori X-bar* menekankan prinsip bahawa setiap frasa perlu mengandungi satu kepala yang unik (head). Selain daripada itu, prinsip pokok dalam *teori X-bar* ialah *projeksi maksimum* (*maximal projection*). Intipati teori ini adalah seperti berikut:



$$(23) \quad X^m \rightarrow (y) \dots X^{m-1}(z)$$

di mana $0 < 1 < m$

X^m (atau X^{max}) ialah kepala bagi frasa, (Radford, 1981). Secara amnya, (23) dapat ditulis sebagai rumusan am sebagai $X^m \rightarrow (y) \dots X^{m-1} \dots (z)$ di mana m ialah elemen yang boleh berupa 0, 1 atau lebih besar daripada 1. Ini juga boleh ditulis secara linear seperti (24). Oleh itu, terdapat batasan-batasan bagi setiap pembinaan sintaksis.

- (24) (a) $X''/X' \rightarrow (y)...X'...(z)$
 (b) $X' \rightarrow (y)...X^0...(z)$
 (c) $X_1 \rightarrow X_1$


(24) juga boleh dicatatkan secara hubungan dominan sebagai (25) dan contohnya dapat dipaparkan sebagai (26), (27) dan (28).




Dalam kedua-dua (25a) dan (25b), tanda (y) atau (z) merupakan kedudukan sesuatu konstituen yang kehadirannya adalah opsional, dengan maksud jika (y) hadir, maka (z) tidak hadir dan begitu juga sebaliknya sehingga setiap nodus hanya bercabang dua; misalnya dalam (26) dan (27). Akan tetapi, dalam sesuatu kes, apabila X atau Y bukan *Spec (specifier)*, X' boleh menaungi X', iaitu seperti dalam (25c). Keadaan ini dapat diperhatikan seperti dalam (28).



(26) (a) (RSJ:27) Aku tidak akan mengubah ke tempat lain.



(26) (b) (NHBAT:26) I will never move.



Dalam (26 a-b) kategori frasa adalah seperti berikut: IP(Frasa Fleksi = Ayat); I' (Frasa Predikat) I' (Infeksi); I (Feksi); K' (Frasa Kerja); K (Kata kerja); KD' (Frasa Kata Depan); KD (Kata Depan); N' (Frasa Nama); N (Nama); A' (Adjektif).

(27) (a) (RSJ:100) **Semaian** dicabut.

(a')

